**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KECIL EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) / KETUA- KETUA SEKTOR BAHAGIAN EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU) JABATAN PERDANA MENTERI (JPM) BIL 3/2017**

---

**Tarikh** : 10 Julai 2017 (Isnin)

**Masa** : 10.00 pagi hingga 12.00 tengahari

**Tempat** : Bilik Mesyuarat Wawasan Aras 4
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

**Pengerusi** : Tuan Hj Mohd Shahren bin Ahmad Saman
Pengarah (Pengurusan Sumber Manusia)

**Kehadiran** : Seperti di **Lampiran A**

| BIL | PERKARA | | STATUS TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| **1.** | **PERUTUSAN PENGERUSI** | | |
| | 1.1 | Tuan Pengerusi mengucapkan selamat datang kepada semua ahli Mesyuarat yang hadir. | Makluman |
| | 1.2 | Mesyuarat mengambil maklum bahawa Mesyuarat AJK Kecil EKSA di adakan pada setiap bulan. Sehingga kini Mesyuarat telah berjaya diadakan dan ada beberapa isu yang tertangguh yang memerlukan nasihat daripada Champion EKSA. | Makluman |
| | 1.3 | Pegawai kumpulan Pengurusan dan Profesional dicadangkan untuk dijadikan sebagai Ketua-ketua Kumpulan Audit Dalam EKSA. Ketua-ketua kumpulan ini boleh memberikan idea dan juga cadangan. | Makluman/ Urus Setia |
| **2** | **PERKARA – PERKARA DARIPADA CHAMPION MAMPU** | | |
| | 2.1 | EKSA melibatkan beberapa peringkat dan merupakan *standard* yang perlu dipatuhi oleh | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | BHEUU. Satu bonus sekiranya Buku Garis Panduan dapat disiapkan sebelum MAMPU datang membuat pengauditan. | |
| | 2.2 | Keseragaman perlu diambil kira dan ditentukan oleh agensi sendiri. Keseragaman boleh diperingkat:<br>i. BHEUU keseluruhannya<br>ii. Zon atau Sektor<br>Ianya perlu dinyatakan di dalam Buku Garis Panduan EKSA supaya MAMPU lebih jelas. | Makluman |
| | 2.3 | Satu kelebihan sekiranya hanya satu sudut induk EKSA diadakan. Maklumat dapat diseragamkan. | Makluman |
| | 2.4 | Antara kelemahan yang didapati semasa pengauditan 4 Mei 2017 yang lalu:<br>i. Dari segi keseragaman kurang.<br>ii. Susunan peralatan/barangan tidak kemas. Susunan mesti ikut ketinggian atau ketebalan, atau dari tinggi ke terendah.<br>iii. Bilik Mesyuarat tiada *tagging* Pengerusi, Setiausaha, kalendar.<br>iv. Tiada etika penggunaan peralatan.<br>v. Pelan lantai tiada. | Makluman / Semua |
| | 2.5 | Perlu lantik seorang untuk membuat format yang seragam dan emailkan kepada semua warga BHEUU. Dinasihatkan agar tidak menggunakan perkataan "lain-lain" dan "pelbagai". | Urus Setia dan AJK Audit Dalam dan Keseragaman |
| | 2.6 | Seelok-eloknya diadakan 2 lawatan penanda aras EKSA. Cadangan lawatan ke Jabatan Akauntan Negara, Putrajaya yang mendapat sijil cemerlang dan Kementerian Kesihatan. | AJK Latihan dan Keselamatan |
| | 2.7 | Cadangan untuk mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan dan Jawatankuasa Keseragaman. Kedua-dua Jawatankuasa yang baru ini boleh digabungkan kepada Jawatankuasa yang sedia ada. | Urus Setia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.8 | Jawatankuasa Keselamatan boleh digabungkan di bawah Jawatankuasa Latihan. Manakala Jawatankuasa Keseragaman boleh digabungkan di dalam Jawatankuasa Audit Dalam EKSA. | Urus Setia /Semua AJK EKSA |
| | 2.9 | Perlu sediakan carta perbatuan yang ada perancangan dan pelaksanaan. Setiap aktiviti perlu ada perancangan dan pelaksanaan. Permohonan kepada MAMPU perlu dibuat 2 bulan sebelum Audit MAMPU datang dengan menyediakan 2 laporan Audit. Cadangan tarikh bulan November 2017. | Urus setia |
| **2.** | **PENGESAHAN MINIT MESYUARAT BIL 1/2017** | | |
| | | Minit Mesyuarat bil 2/2017 telah disahkan tanpa pindaan. | Makluman |
| **3.** | **PERKARA-PERKARA YANG DI BINCANGKAN - MAKLUM BALAS KEPADA MINIT MESYUARAT BIL 2/2017** | | |
| | **3.1** | **Pemilihan Logo / Pelancaran Logo dan Buku Garis Panduan EKSA** | |
| | 3.1.1 | Mesyuarat mengambil maklum akan pemilihan logo seperti berikut: | Makluman |
| | 3.1.2 | Penerangan logo: | |

| WARNA | PENERANGAN |
|---|---|
| **HIJAU** | Keseronokan dan keceriaan amalan di jabatan. Persekitaran hijau, segar dan konsisten amalan EKSA di jabatan. |
| **BIRU** | Melambangkan perpaduan dan |

| | |
|---|---|
| | kesepakatan dalam menjayakan EKSA di BHEUU. |
| **KUNING** | Melambangkan keceriaan dan kerjasama secara berpasukan yang berterusan. |
| **GLOBE/BUMI** | Menggalakkan aktiviti EKSA melalui pembudayaan Amalan Hijau dan Sayangi Bumi kea rah penjimatan sumber secara optimum. Ia juga menunjukkan keupayaan kreativiti dan inovasi yang luas. |
| **BANGUNAN BHEUU** | Skop EKSA berimej Korporat dan persekitaran kerja yang kondusif di dalam organisasi BHEUU. |
| **CORAK DAUN BERWARNA HIJAU** | Amalan kitar semula dan penjimatan tenaga atau "go green" di BHEUU. |

## 3.2 Bengkel Buku Garis Panduan EKSA

Mesyuarat mengambil maklum bahawa Bengkel pemurnian Buku Garis Panduan EKSA akan diadakan, bersama dengan perincian keseragaman dalam EKSA.

**Urus Setia /Makluman**

## 3.3 Pertukaran Nama-nama Sektor

3.3.1 Mesyuarat bersetuju akan nama-nama sektor baru seperti berikut:

| BIL | SEKTOR | NAMA BARU |
|---|---|---|
| 1 | Medang (Seksyen Pembangunan) | Sektor *Litigasi* |
| 2 | Merawan (Unit Khidmat Pengurusan) | Sektor Pematuhan |
| 3 | Kempas (Pengurusan Sumber Manusia) | Sektor *Bona Fide* |
| 4 | Balau (Seksyen Kewangan) | Sektor Akauntabiliti |
| 5 | Keruing (Seksyen Pengurusan Maklumat) | Sektor *Cyber Law* |
| 6 | Merbau (Seksyen Dasar) | Sektor *Mitigasi* |
| 7 | Cengal (Pejabat Ketua Pegarah/ TKP(U)/ dan Unit Integriti) | Sektor Adil |

**Makluman**

<table>
<tr><td></td><td></td><td><table><tr><td>8</td><td>Cendana (UKK)</td><td>Sektor 588</td></tr></table></td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>3.3.2</td><td>Sektor Absolusi (Perpustakaan) digabungkan sekali di dalam Sektor Bona Fide (Pengurusan Sumber Manusia).</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>3.4</td><td>Pembahagian Semula Kawasan Sektor</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>Mesyuarat mengambil maklum akan pembahagian semula kawasan sektor seperti berikut:<br><br><table>
<tr><th>Sektor</th><th>Kawasan</th></tr>
<tr><td>Litigasi</td><td>Seksyen sendiri, pantri aras 4, Bilik Mesyuarat Wawasan, tandas dan lobi Aras 4</td></tr>
<tr><td>Pematuhan</td><td>UKP, Bilik Mesyuarat Perdana Aras 10, Bilik Perbincangan Transformasi Aras 5, pantri Aras 5 dan lobi Aras 5</td></tr>
<tr><td>Bona Fide</td><td>Seksyen sendiri</td></tr>
<tr><td>Akauntabiliti</td><td>Seksyen sendiri dan tandas Aras 5</td></tr>
<tr><td>Cyber Law</td><td>Seksyen sendiri, Bilik Latihan ICT dan Bilik Mesyuarat Siber</td></tr>
<tr><td>KHETS</td><td>Seksyen sendiri, lobi dan tandas Aras 6</td></tr>
<tr><td>Adil</td><td>Pejabat KP,TKP(U),Unit Integriti, tandas dan lobi Aras 7</td></tr>
<tr><td>Akta Komunikasi</td><td>Unit Komunikasi Korporat</td></tr>
</table></td><td>Semua sektor-sektor/Jawatan kuasa/ Urus Setia</td></tr>
<tr><td></td><td>3.5</td><td>Jawatankuasa Promosi</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>3.5.1</td><td>Sudut induk maya EKSA sedang dalam proses untuk dibangunkan.</td><td>AJK Promosi</td></tr>
<tr><td></td><td>3.5.2</td><td>Cadangan diadakan pamphlet mengenai EKSA, kajian mengenai kefahaman EKSA, kajian penjimatan kos, kajian penjimatan kertas dan pegawai.</td><td>AJK Promosi</td></tr>
<tr><td></td><td>3.5.3</td><td>Pertandingan pada Bulan Ogos 2017:<br><br>i. Sektor Terbaik<br>ii. Bilik Pegawai Terbaik<br>iii. Bilik / Ruang Penyimpanan Fail Terbaik</td><td></td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | iv. *Workstation* terbaik<br>v. Tandas terbaik; dan<br>vi. Anugerah *Go Green* dan Kreativiti terbaik | |
| | **3.6** | **Jawatankuasa Latihan dan Keselamatan** | |
| | | Dua (2) lawatan penanda aras EKSA akan diadakan. Lawatan ke Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) pada 9 Ogos 2017. | AJK Latihan dan Keselamatan |
| | **3.7** | **Jawatankuasa Audit dan Keseragaman** | |
| | 3.7.1 | Cadangan Champion EKSA, Encik Harun agar juru audit sebaik-baiknya terdiri daripada kalangan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Surat Pelantikan akan dikeluarkan. | Makluman dan Urus Setia |
| | 3.7.2 | Audit kedua pada hujung bulan Julai 2017. | Makluman dan AJK Audit dan Keseragaman |
| | **3.8** | **Perkara –perkara Daripada Buku Garis Panduan EKSA** | |
| | 3.8.1 | i. Susunan fail secara berdiri dan perlu senaraikan kandungan fail di dalam box fail (jika menggunakan box fail).<br>ii. Senarai di rak fail perlu dibuat ikut susunan fail dan abjad.<br>iii. Susunan fail dari kiri ke kanan.<br>iv. Tagging borang perlu ditambah – tidak perlu ada.<br>v. Perlu nyatakan jika suis lebih daripada 2, perlu dilabelkan.<br>vi. Etika penggunaan dipamerkan.<br>vii. Pelan lantai dan peta bilik di pamerkan di dinding.<br>viii. Tiada hiasan di dinding kecuali pada musim perayaan.<br>ix. Alatan pejabat perlu ada pemilik *(ownership).*<br>x. Untuk peralatan yang kompleks, perlu ada tatacara penggunaan.<br>xi. Sudut kitar semula diadakan di setiap sektor.<br>xii. Petak tempat letak kasut. Maksimum 2 pasang | Makluman dan semua |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | kasut sahaja boleh diletakkan.<br>xiii. Tempat menyimpan peralatan seperti mop, penyapu, berus hendaklah digantung.<br>xiv. Pegawai dan staf yang dibekalkan laci hendaklah melabelkan perkataan peribadi dan alat tulis. | |
| | 3.8.2 | Buku Garis Panduan EKSA akan diemailkan semula kepada sektor-sektor lengkap dengan gambar-gambar, sebelum ianya dimurnikan semula. Bengkel Pemurnian Garis Panduan EKSA akan diadakan pada bulan September 2017. | Urus Setia |
| | 3.8.3 | Seksyen-seksyen perlu susun semula barang-barang dan peralatan mengikut garis panduan EKSA. Gambar-gambar sebelum dan selepas perlu diambil untuk tujuan rekod dan audit. | Semua Ketua-ketua Seksyen |
| **4** | **HAL-HAL LAIN** | | |
| | 4.1 | Ahli-ahli Mesyuarat boleh mengemukakan sebarang pertanyaan kepada Encik Harun bin Jantan, melalui Applikasi WhatsApp. Beliau bersedia untuk membantu BHEUU bagi mendapatkan pensijilan EKSA untuk Tahun 2017. | Semua |
| | 4.2 | Carta Perbatuan dan Garis Panduan EKSA yang telah dikemaskini akan diemailkan kepada Jawatankuasa Promosi. | Urus Setia |
| **5.** | **PENUTUP** | | |
| | Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengahari dengan ucapan terima kasih dari Tuan Pengerusi. | | |

Disediakan oleh:

**Nooraini Binti Ahmad Kushashi**
**Unit Inovasi**
**Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang**
**Tarikh:**25 Julai 2017

Disemak dan diluluskan oleh:

**Tuan Haji Mohd Shahren bin Ahmad Saman**
**Pengarah Seksyen Pengurusan Sumber Manusia**
**Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang**
**Tarikh:** 31 Julai 2017.

**LAMPIRAN A**

**KEHADIRAN**

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Tuan Haji Mohd Shahren bin Ahmad Saman<br>Pengarah<br>Seksyen Pengurusan Sumber Manusia | Pengerusi |
| 2. | Tuan Harun bin Jantan<br>Penolong Pengarah Kastam<br>Bahagian GST, Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia | Champion EKSA MAMPU |
| 3. | Puan Nor Azlina binti Kamaruddin<br>Ketua Penolong Pengarah<br>Seksyen Pengurusan Maklumat | Ketua Jawatankuasa Promosi |
| 4. | Encik Bahrunnizam bin Abd Kadir<br>Penolong Pengarah<br>Seksyen Kewangan | Ketua Jawatankuasa Audit Dalam |
| 5. | Puan Nor Dalila binti Md Din<br>Penolong Pengarah<br>Seksyen Pembangunan | Ketua Jawatankuasa Latihan |
| 6. | Puan Prema A/P Raghaven<br>Penolong Pegawai Penerangan (Unit Komunikasi Korporat) | Ketua Sektor 588, UKK |
| 7. | Encik Mohd Ariffudin bin Ghozali<br>Pembantu Tadbir (Unit Integriti) | Ketua Sektor Adil, Aras 7 |
| 8. | Puan Noor Akmar binti Shahran<br>Pembantu Tadbir (Seksyen Dasar) | Ketua Sektor Mitigasi, Aras 6 |
| 9. | Puan Noor Aishah binti Mohd Talib<br>Pembantu Tadbir (Seksyen Pengurusan Sumber Manusia) | Ketua Sektor Bona Fide, Aras 5<br>Unit Sumber Manusia |
| 10. | Encik Selamat bin Buang<br>Penolong Pegawai Tadbir Kanan (Unit Khidmat | Ketua Sektor Pematuhan, |

| | | |
|---|---|---|
| | Pengurusan ) | Aras 5, UKP |
| 11. | Puan Khairul Azwati binti Bukhari<br>Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Seksyen Pengurusan Maklumat) | Ketua Sektor *Cyber Law*, Aras 5, Seksyen Pengurusan Maklumat |
| 12. | Encik Shahrin bin Othman<br>Penolong Pustakawan (Seksyen Pengurusan Sumber Manusia) | Sektor Bona Fide, Aras 2 |
| 13. | Puan Faizah binti Md Isa<br>Pembantu Tadbir (P/O) (Seksyen Pembangunan) | Wakil Sektor Litigasi, Aras 4 |
| 14. | Puan Nur Hazreen binti Mad Yusop<br>Penolong Pegawai Tadbir<br>Unit Pengurusan Aset | Wakil Audit Dalam EKSA |

**URUS SETIA**:

15. Puan Nooraini binti Ahmad Kushashi
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Unit Inovasi, Seksyen Pengurusan Sumber Manusia

16. Puan Habibatul Adliyah Binti Jusoh
Pembantu Tadbir (Pengurusan Sumber Manusia)

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF:**

| | | |
|---|---|---|
| 17. | YM Puan Raja Suzilawati binti Raja Hasan<br>Ketua Penolong Pengarah<br>Seksyen Pembangunan | Fasilitator |
| 18. | Puan Siti Aishah Binti Yahaya<br>Penolong Akauntan (Kewangan)<br>Seksyen Kewangan | Ketua Sektor Akauntabiliti, Aras 5, |

| | | |
|---|---|---|
| 19. | Puan Norlida binti Ibrahim<br>Pembantu Tadbir (P/O)<br>Seksyen Pembangunan | Ketua Sektor Litigasi, Aras 4, Seksyen Pembangunan |